

AKTA PERIKANAN 1985*

(AKTA 317)

Suatu Akta berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia, dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia dan dengan perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.

BAHAWASANYA adalah bermanfaat untuk menyatukan dan meminda undang-undang bertulis berhubung dengan perikanan, termasuk pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia dan dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam Malaysia;

DAN BAHAWASANYA menurut Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, dan bahawasanya perikanan, termasuk penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara (tidak termasuk penyu), adalah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan di bawah butiran 9 Senarai I dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara adalah juga perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai Bersama di bawah butiran 12 Senarai IIIA dalam Jadual Kesembilan tersebut berkenaan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak;

DAN BAHAWASANYA melalui Fasal (1) (b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri bagi maksud menggalakkan persamaan undang-undang bagi dua buah Negeri atau lebih, dan bahawasanya penyu dan penangkapan ikan di sungai adalah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri di bawah butiran 12 Senarai II dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan:

*Dikuatkuasa mulai 1.1.1986.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Perlembagaan Persekutuan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas, pemaikan dan mula Berkuatkuasa.

(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perikanan 1985 dan hendaklah terpakai di perairan perikanan Malaysia dan, tertakluk kepada subseksyen (2), di perairan sungai dalam bidang kuasa setiap Negeri dalam Malaysia dan dalam Persekutuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini dalam kawasan-kawasan yang berlainan:

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini setakat mana ianya berhubung dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai dalam mana-mana Negeri di Malaysia tidaklah boleh berkuatkuasa dalam Negeri itu sehingga ianya telah diterimapakai melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu.

2. Tafsiran.

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Akta ini” termasuklah peraturan-peraturan dan perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini dan apa-apa jua perkara lain yang dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan atau perundangan subsidiari lain, dan apa-apa sebutan mengenai sesuatu peruntukan dalam Akta ini hendaklah diertikan dengan sewajarnya;

“akuakultur” ertinya pembiakan benih ikan atau pemeliharaan

biak ikan melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya;

“belat ikan” ertinya apa-apa peranti yang digunakan untuk menangkap ikan yang dibuat daripada pancang atau lain-lain tiang yang ditanam ke dalam tanah dan dikepung dengan rami, rotan, dawai atau lain-lain bahan pengadang dan direkabentuk sedemikian agar ikan dapat diarahkan ke dalam peranti itu;

“benih ikan” ertinya telur ikan atau larva atau rega atau benih, anak ikan atau fingerling ikan;

“empunya”, berhubungan dengan vesel penangkapan ikan, ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan yang memiliki vesel itu dan termasuklah mana-mana pencarter, subpencarter, penerima pajak atau subpenerima pajak vesel itu;

“ikan” ertinya apa-apa hidupan haiwan atau tumbuhan akuatik, sama ada sedentari atau tidak, dan termasuklah semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik, atau telur-telur atau benihnya, anak ikan, fingerling, lokan atau benih moluska tetapi tidak termasuk mana-mana spesies memerang, penyu atau telur-telurnya;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perikanan yang dilantik di bawah Akta ini;

“laut wilayah Malaysia” ertinya perairan wilayah Malaysia yang ditentukan mengikut Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969;

“memproses”, berhubungan dengan ikan, termasuklah membersihkan, memotong, membubuh ais, membeku, mengetin, membubuh garam, menyalai, memasak, menjeruk, mengering atau selainnya mengawet atau menyediakan ikan dengan apa jua cara;

“menangkap ikan” ertinya-

- (a) menangkap, mengambil atau membunuh ikan dengan apa jua cara;
- (b) cuba menangkap, mengambil atau membunuh ikan;
- (c) melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang semunasabahnya dapat dijangka mengakibatkan

penangkapan, pengambilan atau pembunuhan ikan; atau

- (d) apa-apa gerakan sebagai membantu, atau sebagai persediaan menjalankan, apa-apa aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a), (b) atau (c) takrif ini;

“menangkap ikan di sungai” ertinya menangkap ikan di perairan sungai;

“Menteri” ertinya Menteri Kerajaan Persekutuan yang pada masa itu dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab perikanan;

“nakhoda” berhubung dengan vesel penangkapan ikan, termasuklah tiap-tiap orang (kecuali malim atau pegawai pelabuhan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Dagang 1952) yang pada masa itu mengetuai atau menjaga itu, atau yang bertindak secara sah di sisi undang-undang sebagai nakhoda vesel itu;

“orang” termasuklah mana-mana individu (sama ada warganegara Malaysia atau bukan), mana-mana pertubuhan perbadanan, perkongsian, pertubuhan, atau lain-lain entiti, yang ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negara asing, atau apa-apa entiti dalam golongannya itu;

“pegawai berkuasa” ertinya Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, pegawai perikanan, pegawai pelabuhan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Ordinan Perkapalan Dagang 1952, pegawai pemerintah mana-mana vesel tentera laut Kerajaan atau pesawat udara Kerajaan, pegawai pemerintah mana-mana vesel polis laut Kerajaan atau mana-mana orang atau golongan orang lain yang dilantik menjadi pegawai berkuasa atau pegawai-pegawai berkuasa di bawah seksyen 36;

“pegawai perikanan” ertinya pegawai perikanan atau timbalan pegawai perikanan yang dilantik di bawah seksyen 4;

“pegawai perikanan darat” ertinya pegawai perikanan darat atau timbalan pegawai perikanan darat yang dilantik di bawah seksyen 5;

“pencemar” ertinya apa-apa bahan yang, jika dimasukkan ke dalam perairan kelautan atau mana-mana perairan sungai, mungkin mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia atau

[Gan. Akta
A854]

memudaratkan sumber-sumber kehidupan akuatik, atau merosakkan kemudahan-kemudahan atau mengganggu kegunaan-kegunaan lain yang sah akan perairan kelautan atau perairan sungai itu dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, termasuklah apa-apa bahan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah dalam *Warta* sebagai pencemar bagi maksud-maksud Akta ini;

“perairan dalaman Malaysia” ertinya mana-mana kawasan laut yang terletak di sebelah bahagian darat garis dasar yang darinya lebar laut wilayah Malaysia diukur;

“perairan kelautan” ertinya kawasan laut yang bersempadan dengan Malaysia, di dalam dan di luar perairan perikanan Malaysia dan termasuklah perairan muara, dan apa-apa sebutan mengenai sistem kultur laut, penangkapan ikan atau perikanan hendaklah diertikan sebagai sebutan mengenai perjalanan mana-mana aktiviti ini di perairan kelautan;

“perairan muara” ertinya perairan sesuatu sungai yang bermula dari kuala sungai-

- (a) sampai ke hulu sungai yang dimasuki air laut semasa air pasang anak; dan
- (b) dalam hal Negeri Sarawak, sampai ke batasan yang ditentukan oleh Menteri, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“perairan perikanan Malaysia” ertinya perairan kelautan di bawah bidang kuasa Malaysia yang ke atasnya hak-hak menangkap ikan eksklusif atau hak-hak pengurusan perikanan dituntut mengikut undang-undang dan termasuklah perairan dalaman Malaysia, laut wilayah Malaysia dan perairan kelautan yang termasuk dalam zon ekonomi eksklusif Malaysia;

“perairan sungai” ertinya perairan mana-mana sungai, tasik, anak sungai, kolam dan mana-mana perairan lain di Malaysia selain dari perairan kelautan, sama ada semulajadi atau buatan manusia, milikan sendiri atau selainnya;

“peralatan menangkap ikan” termasuklah jaring ikan, perangkap ikan, dan apa-apa alat, dengan atau tanpa pelampung, boya atau pemberat yang direkabentuk untuk menangkap ikan tetapi tidak termasuk-

(a) apa-apa alat dari jenis mata kail yang mempunyai tidak lebih daripada dua cangkuk; dan

(b) gejala yang dikenali sebagai jala;

“peralatan menangkap ikan tradisional” ertinya apa-apa peralatan menangkap ikan yang disenaraikan di bawah ini yang dikendalikan dengan menggunakan suatu vesel penangkapan ikan yang tidak bermotor atau suatu vesel penangkapan ikan yang bermotor yang tidak melebihi empat puluh tanan berdaftar kasar:

[Mas. Akta
A854]

(a) perangkap;

(b) kail-mengail;

(c) pukat hanyut atau pukat insang;

(d) pukat tarik;

(e) pukat tangguk;

(f) pukat bakul; dan

(g) pukat rentang;

“peranti mengumpul ikan” ertinya apa-apa struktur atau peranti dari jenis yang kekal atau separa kekal yang dibuat daripada apa-apa bahan dan digunakan untuk menarik atau mengumpul ikan bagi maksud menangkap ikan;

“perikanan” ertinya mana-mana satu atau lebih stok ikan yang boleh dijadikan sebagai satu unit bagi maksud pemuliharaan, pengurusan dan pemajuannya dan termasuklah menangkap ikan untuk mendapatkan stok seperti itu, dan akuakultur;

“perikanan darat” ertinya perikanan di perairan sungai;

“perjanjian perikanan antarabangsa” ertinya apa-apa triti atau perjanjian dwipihak atau berbilang pihak, yang berhubung dengan penangkapan ikan atau perikanan, di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan mana-mana negara lain atau di antara Kerajaan Malaysia dengan mana-mana organisasi antarabangsa yang kompeten;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya pihak berkuasa di mana-mana Negeri dalam Malaysia yang bertanggungjawab mengenai perikanan darat;

“rancangan perikanan” ertinya mana-mana rancangan yang berhubung dengan perikanan yang disediakan oleh Ketua Pengarah di bawah Bahagian III;

“sistem kultur” ertinya sesuatu establishmen, struktur atau kemudahan yang digunakan dalam akuakultur dan termasuklah kultur di dasar laut, kultur mengguna sangkar, kultur mengguna jaring gantung, kultur mengguna kandang, kultur di kolam, kultur mengguna tiang atau kayu, kultur di dasar terusan, kultur menggunakan rakit, kultur mengguna tali dan kawasan penetasan;

“spesies sedentari” ertinya organisma yang, pada peringkat boleh dipungut, sama ada tak boleh bergerak di atas atau di bawah dasar laut atau tak dapat bergerak kecuali sentiasa bersentuhan dari segi fizikal dengan dasar laut atau tanah bawah;

“taman laut” atau rizab laut” ertinya mana-mana kawasan atau sebahagian daripada kawasan di perairan perikanan Malaysia yang ditetapkan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah Bahagian IX bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Bahagian itu;

“vesel penangkapan ikan” ertinya mana-mana bot, lancang, kapal atau lain-lain vesel yang digunakan, yang dilengkap untuk digunakan, atau dari jenis yang digunakan untuk-

(a) menangkap ikan;

(aa) akuakultur; atau

(b) menolong atau membantu mana-mana bot, lancang, kapal atau mana-mana vesel dalam melaksanakan apa-apa aktiviti berhubung dengan penangkapan ikan, termasuk apa jua aktiviti menyediakan, memproses, menyejuk beku, menyimpan, membekal atau mengangkut ikan;

[Mas. Akta
A854]

“vesel penangkapan ikan asing” ertinya mana-mana vesel penangkapan ikan selain dari vesel penangkapan ikan tempatan;

“vesel penangkapan ikan tempatan” ertinya mana-mana vesel penangkapan ikan-

[Gan. Akta
A854]

- (a) yang tidak didaftarkan di luar Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh-
- (i) orang sebenar atau orang-orang sebenar yang adalah warganegara Malaysia;
 - (ii) perbadanan berkanun yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia;
 - (iii) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri di Malaysia; atau
 - (iv) Pertubuhan diperbadankan atau tak diperbadankan yang ditubuhkan di Malaysia, dan dimiliki sepenuhnya oleh mana-mana orang yang diperihalkan dalam subperenggan (i), (ii) atau (iii) takrif ini; atau
- (b) yang dicarter, disubcarter, dipajak atau disubpajak oleh mana-mana orang, perbadanan berkanun, Kerajaan atau pertubuhan perbadanan yang diperihalkan di bawah perenggan (a) (i), (a) (ii), (a) (iii) atau (a) (iv) takrif ini;

“zon ekonomi eksklusif” ertinya zon ekonomi eksklusif Malaysia sebagaimana yang ditentukan mengikut Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Tanggungjawab Menteri.

(1) Menteri adalah bertanggungjawab atas semua perkara berhubung dengan perikanan, termasuklah pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara, di perairan perikanan Malaysia, berhubung dengan penyu dan perikanan darat di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan penyu di perairan di luar bidang kuasa mana-mana Negeri dalam Malaysia.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik Ketua Pengarah Perikanan, dan Menteri boleh melantik beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah Perikanan sebagaimana yang perlu, untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini kecuali, tertakluk kepada subseksyen (1), peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan penyu dan perikanan darat di Negeri-Negeri Malaysia.

(3) Ketua Pengarah adalah bertanggungjawab atas pengawasan secara am mengenai semua perkara berhubung dengan perikanan di bawah Akta ini kecuali, tertakluk kepada subseksyen (1), perkara-perkara yang berhubung dengan penyu dan perikanan darat di Negeri-Negeri Malaysia.

(4) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan perjalanan apa-apa atau semua kuasa dan fungsi yang diberi kepadanya melalui Akta ini kepada mana-mana pegawai perikanan atau timbalan pegawai perikanan sebagaimana yang difikirkannya patut.

4. Pegawai perikanan dan timbalan pegawai perikanan.

Menteri boleh melantik beberapa orang pegawai perikanan dan timbalan pegawai perikanan sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini kecuali, tertakluk kepada subseksyen (1) seksyen 3, peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan penyu dan perikanan darat di Negeri-Negeri Malaysia.

5. Pegawai perikanan darat dan timbalan pegawai perikanan darat.

Tertakluk kepada subseksyen (1) seksyen 3, Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik beberapa orang pegawai perikanan darat dan timbalan pegawai perikanan darat sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini setakat mana ianya berhubung dengan penyu dan perikanan darat di Negeri-Negeri Malaysia.

BAHAGIAN III

RANCANGAN PERIKANAN

6. Persediaan rancangan-rancangan perikanan.

(1) Ketua Pengarah hendaklah menyediakan dan sentiasa mengkaji semula rancangan-rancangan perikanan berdasarkan maklumat saintifik terbaik yang ada dan dirancangan untuk memastikan penggunaan optimum akan sumber perikanan, yang konsisten dengan prinsip-prinsip pemuliharaan dan pengurusan yang baik dan pengelakan penangkapan ikan yang berlebihan, dan mengikut keseluruhan dasar negara, rancangan dan program kemajuan.

(2) Setiap rancangan dan setiap ubahsuaian atau semakannya hendaklah dilaksanakan setelah diluluskan oleh Menteri.

(3) Segala kemajuan dalam industri perikanan hendaklah menepati pada umumnya polisi-polisi pengurusan dan pemuliharaan yang diperihalkan dalam rancangan-rancangan perikanan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELESENAN AM

7. Pemakaian Bahagian ini.

Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai berkenaan dengan tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini tetapi tidaklah terpakai, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian dari ini, berkenaan dengan apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian V.

8. Kesalahan kerana menangkap ikan tanpa lesen atau kerana melanggar syarat atau arahan.

Mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti penangkapan ikan, mengendali, atau membenarkan dikendalikan, di perairan perikanan Malaysia apa-apa vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan-

[Pind. Akta
A854]

- (a) tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini;
- (b) dengan melanggar apa-apa syarat dalam lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu; atau
- (c) dengan melanggar apa-apa arahan secara bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

9. Permohonan untuk mendapatkan lesen atau permit berkenaan dengan vesel penangkapan ikan yang baru.

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Bahagian ini atau untuk mendapatkan permit di bawah Bahagian V berkenaan dengan mana-mana vesel penangkapan ikan yang baru hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah sebelum pembinaan vesel itu dimulakan, dan hendaklah disertai dengan apa-apa pelan, spesifikasi atau lain-lain maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah atau sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini

(2) Pemohon boleh terus membina vesel penangkapan ikan yang baru setelah menerima kelulusan bertulis untuk berbuat demikian daripada Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat, termasuklah syarat-syarat berkenaan dengan kuasa kuda, saiz dan tanan vesel itu, atau pelupusan mana-mana vesel penangkapan ikan yang sedia ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam kelulusan itu.

(3) Ketua Pengarah boleh enggan mengeluarkan suatu lesen berkenaan dengan mana-mana vesel penangkapan ikan yang baru yang tidak dibina dengan kelulusan, dan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan, di bawah subseksyen (2).

(4) Jika di bawah rancangan perikanan telah diperuntukkan bahawa tiada lesen di bawah Bahagian ini atau permit di bawah Bahagian V boleh dikeluarkan berkenaan dengan vesel penangkapan ikan yang baru bagi jenis perikanan yang tertentu melainkan jika vesel penangkapan ikan yang baru itu menggantikan vesel penangkapan ikan yang telah pun dikeluarkan lesen atau permit bagi jenis perikanan itu, Ketua Pengarah tidaklah boleh mengeluarkan lesen atau permit berkenaan dengan vesel penangkapan ikan yang baru sehingga vesel penangkapan ikan yang sedia ada itu dilupuskan mengikut arahan-arahannya.

10. Syarat-syarat dalam lesen dan arahan-arahan.

(1) Ketua Pengarah hendaklah, dalam mengeluarkan sesuatu lesen di bawah Bahagian ini, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut yang mana hendaklah termasuk syarat-syarat berhubung dengan perkara-perkara yang berikut:

- (a) menandakan dengan kekal vesel penangkapan ikan dengan apa-apa huruf dan nombor atau lain-lain cara pengenalan sebagaimana yang diuntukkan kepadanya oleh Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) kerakyatan dan bilangan orang yang akan diambil kerja atau yang dibawa dalam vesel penangkapan ikan; dan
- (c) selain dari mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis lain yang mungkin terpakai, kehendak yang menyatakan bahawa seseorang yang bukan warganegara Malaysia tidaklah boleh melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti penangkapan ikan yang berhubung dengan vesel penangkapan ikan tanpa

mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa mengubah syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu atau bermanfaat untuk berbuat demikian bagi pengurusan perikanan yang sempurna, tetapi notis yang wajar tentang perubahan yang dicadangkan itu hendaklah diberi kepada pemegang lesen yang mana, jika dia berhasratkan sedemikian, adalah mempunyai hak untuk didengar dalam tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Sesuatu perakuan yang dibuat oleh Ketua Pengarah yang menyatakan bahawa sesuatu syarat dalam lesen telah dikenakan atau apa-apa perubahannya telah dibuat bagi pengurusan perikanan yang sempurna adalah menjadi bukti muktamad dalam mana-mana prosiding undang-undang.

(4) (a) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa melalui notis dalam *Warta* mengeluarkan arahan-arahan berhubung dengan pengurusan perikanan yang sempurna yang mana hendaklah dipatuhi oleh tiap-tiap orang yang kepadanya arahan-arahan itu terpakai.

(b) Arahan-arahan seperti itu hendaklah juga dipamerkan di mana-mana tempat awam dan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

11. Lesen berkenaan dengan vesel penangkapan ikan tempatan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut.

(1) Ketua Pengarah boleh, atas permohonan dan setelah dibayar fee yang ditetapkan dan dibayar apa-apa deposit yang ditetapkan, mengeluarkan lesen berkenaan dengan vesel penangkapan ikan tempatan mana-mana belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan atau yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Tiada lesen boleh dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut yang menyebabkan atau yang mungkin menyebabkan apa-apa galangan kepada pelayaran atau apa-apa rintangan kepada aliran semulajadi air di perairan perikanan Malaysia.

(3) Mana-mana orang di perairan perikanan Malaysia yang-

- (a) mengendalikan, atau membenarkan dikendalikan, apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut tanpa suatu lesen berkenaan dengannya;
- (b) mempunyai di bawah kawalannya atau dalam milikannya apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa suatu lesen berkenaan dengannya;
- (c) memasang, atau menyebabkan dipasang, apa-apa belat ikan, peralatan menangkap ikan atau peranti mengumpul ikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan; atau
- (d) membina atau menubuhkan apa-apa sistem kultur laut tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah sebelum suatu lesen berkenaan dengannya dikeluarkan,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana bahagian peralatan menangkap ikan hendaklah ditafsirkan sebagai peralatan menangkap ikan yang lengkap melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

[Mas. Akta
A854]

12. Tidak memulakan kendalian menangkap ikan.

(1) Ketua Pengarah boleh membatalkan mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika selepas tiga bulan dari tarikh ianya dikeluarkan kendalian menangkap ikan yang berhubung dengan lesen atau permit itu belum lagi dimulakan dan pemegang lesen atau pemegang permit hendaklah menyerahkan lesen atau permitnya sebaik sahaja diberitahu tentang pembatalan itu.

(2) Sebelum Ketua Pengarah membuat keputusan untuk membatalkan lesen atau permit itu, pemegang lesen atau pemegang permit yang berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menunjukkan alasan mengapa lesen atau permitnya itu tidak patut dibatalkan.

13. Keengganan melesen atau penggantungan atau pembatalan lesen.

(1) Ketua Pengarah boleh enggan mengeluarkan atau membaharui mana-mana lesen di bawah Akta ini atau boleh membatalkan, atau menggantung selama suatu tempoh yang difikirkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian untuk menguruskan dengan sepatutnya mana-mana perikanan yang tertentu mengikut rancangan perikanan yang boleh dipakai kepada perikanan itu dan dengan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dalam melaksanakan rancangan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh enggan mengeluarkan lesen berkenaan dengan sesuatu vesel penangkapan ikan tempatan dalam mana-mana hal yang berikut:

- (a) jika vesel itu dikehendaki supaya didaftarkan di bawah undang-undang yang berhubung dengan perkapalan dagang tetapi belum lagi didaftarkan sedemikian;
- (b) jika vesel itu dikehendaki mempunyai suatu perakuan pemeriksaan yang sah yang dikeluarkan berkenaan dengannya di bawah undang-undang yang berhubung dengan perkapalan dagang tetapi tidak mempunyai perakuan itu;
- (c) jika vesel itu tidak layak belayar dan tidak layak digunakan bagi maksud menangkap ikan atau tidak mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang boleh dipakai berkenaan dengan pelayaran, piawai keanggotaannya, atau keselamatan di laut di bawah Akta ini, atau mana-mana undang-undang lain atau di bawah mana-mana konvensyen yang Malaysia menjadi satu pihak.

(3) Ketua Pengarah boleh enggan mengeluarkan atau membaharui mana-mana lesen di bawah Akta ini atau boleh membatalkan, atau menggantung selama suatu tempoh yang difikirkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat lesen.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Ketua Pengarah untuk mengeluarkan atau membaharui mana-mana lesen

di bawah Akta ini atau dengan penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini boleh merayu kepada Menteri mengikut cara yang ditetapkan terhadap keengganan, penggantungan atau pembatalan itu dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh keengganan, penggantungan atau pembatalan itu.

(4) Menteri boleh, selepas mendengar rayuan itu, membuat apa-apa perintah terhadapnya sebagaimana yang difikirkannya patut, dan perintah itu adalah muktamad.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (5) hendaklah mengambil kira apa-apa skim untuk membataskan usaha menangkap ikan yang peruntukan dibuat baginya dalam mana-mana rancangan perikanan yang tersebut dalam Bahagian III.

14. Tempoh keesahan lesen dan tak boleh dipindahmilik.

(1) Mana-mana lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah, melainkan jika digantung atau dibatalkan atau melainkan jika dinyatakan selainnya dalam lesen itu, sah selama tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan kalendar dari tarikh pengeluaran lesen itu.

[Pind. Akta
A854]

(1A) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi mana-mana lesen yang dikeluarkan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen tersebut, dan mana-mana lesen yang berkuatkuasa pada tarikh itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi baki tempoh keesahannya.

[Mas. Akta
A854]

(2) (a) Mana-mana orang yang mengubahsuai atau menukar, atau membenarkan supaya diubahsuai atau ditukar kuasa kuda, saiz atau tanan sesuatu vesel penangkapan ikan berlesen atau peralatan menangkap ikan yang ia dilesen untuk kendalikan tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(b) Ketua Pengarah boleh enggan membenarkan vesel penangkapan ikan berlesen atau peralatan menangkap ikan diubahsuai atau ditukar melainkan jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi pengurusan yang sempurna akan mana-mana perikanan yang tertentu.

(3) (a) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini berkenaan dengan vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut adalah sah bagi vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan

menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut yang tertentu itu dan tidaklah boleh digunakan bagi mana-mana vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut lain, dan lesen itu hendaklah pada setiap masa dipamerkan dengan nyata pada atau dilekatkan dengan nyata kepada vesel penangkapan ikan, belatikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut.

(b) Jika mana-mana vesel penangkapan ikan menggunakan huruf, nombor atau lain-lain cara pengenalan suatu vesel penangkapan ikan yang lain, maka empunya, nakhoda dan tiap-tiap anggota kru vesel penangkapan ikan yang menggunakan huruf, nombor atau lain-lain cara pengenalan itu adalah setiap seorangnya bersalah melakukan suatu kesalahan.

(4) (a) Tertakluk kepada perenggan (aa), apa-apa lesen atau permit berkenaan dengan vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut hendaklah dikeluarkan di bawah Akta ini atas nama pemohon bagi lesen atau permit itu dan tidaklah boleh dipindahmilik.

(aa) Walau apa pun perenggan (a), Ketua Pengarah boleh, atas sesuatu permohonan, membenarkan pemindahmilikan mana-mana lesen atau permit yang disebut di bawah perenggan itu jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon itu adalah orang yang jika tidak kerana itu layak selainnya untuk memegang lesen atau permit itu di bawah Akta ini.

[Mas. Akta
A854]

(b) Mana-mana orang yang menggunakan lesen atau permit yang dikeluarkan atas nama mana-mana orang lain di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Jika sesuatu vesel penangkapa ikan yang telah dilesenkan sebagai vesel penangkapan ikan tempatan berhenti daripada menjadi vesel penangkapan ikan tempatan, lesennya adalah luput dengan serta-merta dan hendaklah disifatkan telah terbatal.

14A. Anggapan berkenaan dengan orang yang dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan.

[Mas. Akta
A854]

Bagi maksud Bahagian ini, jika mana-mana orang yang bukan warganegara Malaysia dijumpai di atas mana-mana vesel penangkapan ikan tempatan di dalam perairan perikanan Malaysia, maka orang itu hendaklah dianggap, melainkan jika

dibuktikan sebaliknya, sebagai anggota kru vesel penangkapan ikan itu.

BAHAGIAN V

VESEL PENANGKAPAN IKAN ASING

15. Penangkapan ikan, dsb., oleh vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada vesel penangkapan ikan asing boleh melakukan mana-mana daripada perkara yang berikut di perairan perikanan Malaysia:

- (a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan; atau
- (b) tertakluk kepada subseksyen (1A), menjalankan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan tekno-ekonomi ke atas mana-mana perikanan,

melainkan jika dibenarkan berbuat demikian di bawah perjanjian perikanan antarabangsa yang berkuatkuasa di antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara, atau di antara Kerajaan Malaysia dengan organisasi antarabangsa, yang vesel itu tergolong atau di mana vesel itu didaftarkan, mengikut mana yang berkenaan, dan di bawah suatu permit yang dikeluarkan di bawah seksyen 19.

(1A) Walau apa pun perenggan (b) subseksyen (1), sesuatu vessel penangkapan ikan asing boleh menjalankan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan tekno-ekonomi ke atas mana-mana perikanan dalam perairan Perikanan Malaysia tertakluk kepada arahan-arahan am Ketua Pengarah dan syarat-syarat yang berikut, iaitu-

[Mas. Akta
A854]

- (a) berkenaan dengan penyelidikan atau pemeriksaan tersebut, adanya satu perjanjian di antara warganegara Malaysia dengan orang yang memiliki vesel penangkapan ikan asing itu;
- (b) perjalanan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan itu hendaklah di bawah arahan am Ketua Pengarah; dan
- (c) apa-apa data dan dapatan daripada penyelidikan atau pemeriksaan itu boleh didapati oleh Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara dan kekerapan yang ditetapkan olehnya.

(2) Tiada vesel penangkapan ikan asing boleh memuat atau memunggah apa-apa ikan, bahan api atau bekalan atau memindahkapal ikan di perairan perikanan Malaysia tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah.

16. Laluan vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), sesuatu vesel penangkapan ikan asing boleh memasuki perairan perikanan Malaysia bagi maksud laluan menerusi perairan itu dalam masa pelayaran ke destinasi di luar perairan itu.

[Gan. Akta
A854]

(2) Laluan itu, yang hendaklah dilakukan mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa mengenai laut berhubungan dengan rejim kelautan yang relevan yang terpakai bagi perairan perikanan Malaysia itu, termasuk berhenti dan berlabuh hanya-

[Gan. Akta
A854]

- (a) jika vesel itu berada dalam kecemasan;
- (b) bagi maksud mendapatkan bantuan perubatan kecemasan bagi anggota krunya; atau
- (c) untuk memberi bantuan kepada orang, kapal atau pesawat udara yang berada dalam bahaya atau distres.

(3) Nakhoda kapal vesel penangkapan ikan asing yang memasuki perairan perikanan Malaysia bagi maksud yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah memberitahu seorang pegawai berkuasa melalui radio, teleks atau faksimili dalam Bahasa Inggeris atau Melayu tentang nama, Negara bendera, lokasi, jalan dan destinasi vesel itu, jenis dan amaun ikan yang dibawanya dan tentang hal keadaannya ia memasuki perairan perikanan Malaysia.

(4) Tia-ptiap vesel penangkapan ikan asing yang memasuki perairan perikanan Malaysia bagi maksud yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah-

- (a) tanpa menyentuh kehendak bagi mematuhi mana-mana undang-undang Malaysia lain yang mungkin terpakai, mematuhi apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 61, termasuklah peraturan-peraturan berkenaan dengan penyimpanan peralatan menangkap ikan; dan
- (b) kembali ke suatu tempat di luar perairan itu sebaik sahaja tujuan memasuki perairan itu telah tercapai.

17. Akujanji hendaklah termasuk dalam perjanjian perikanan antarabangsa.

Tiap-tiap perjanjian perikanan antarabangsa yang tersebut dalam seksyen 15 hendaklah termasuk suatu akujanji yang dibuat oleh kerajaan negeri, atau oleh organisasi antarabangsa, yang menjadi satu pihak kepada perjanjian itu dengan Kerajaan Malaysia untuk mematuhi atau memastikan yang vesel penangkapan ikannya mematuhi peruntukan-peruntukan Akta ini.

18. Ketua Pengarah hendaklah mengambil kira perkara-perkara tertentu dalam menimbang permohonan untuk mendapatkan permit.

(1) Ketua Pengarah hendaklah, dalam menimbang sesuatu permohonan untuk mendapatkan permit di bawah seksyen 19 berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing, mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- (a) keperluan-keperluan nelayan Malaysia dan peruntukan-peruntukan rancangan perikanan yang tersebut dalam Bahagian III;
- (b) takat kerjasama yang diberi dan caruman yang dibuat oleh negara yang relevan atau organisasi antarabangsa yang relevan terhadap penyelidikan perikanan, pengenalan stok ikan, pemuliharaan, pengurusan dan pemajuan sumber-sumber perikanan dalam perairan perikanan Malaysia, dan pematuhan undang-undang Malaysia berhubung dengan sumber-sumber seperti itu oleh negara atau organisasi antarabangsa itu
- (c) bantuan yang diberi oleh pemohon, negara yang relevan atau organisasi antarabangsa yang relevan dalam memajukan industri perikanan Malaysia, dalam melatih pekerja Malaysia dan memindahkan teknologi ke industri perikanan di Malaysia;
- (d) syarat-syarat apa jua perjanjian perikanan antarabangsa yang relevan yang berkuatkuasa; dan
- (e) persalingan layanan yang diberi kepada vesel penangkapan ikan tempatan oleh negara yang relevan atau organisasi antarabangsa yang relevan.

(2) Dalam seksyen ini, “negara yang relevan” ertinya negara

atau wilayah di mana vesel penangkapan ikan asing itu didaftarkan atau yang vesel penangkapan ikan asing itu tergolong dalamnya, dan “organisasi antarabangsa yang relevan” ertinya organisasi antarabangsa yang vesel penangkapan ikan asing itu tergolong dalamnya.

19. Permit berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing.

(1) (a) Sesuatu permohonan kepada Ketua Pengarah minta permit dikeluarkan berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing untuk menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia hendaklah dibuat melalui seorang ejen Malaysia yang akan memikul tanggungjawab undang-undang dan kewangan bagi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh vesel itu.

(b) Walau apa pun subseksyen (1) (a), Ketua Pengarah mungkin menghendaki pembayaran sejumlah wang sebagaimana yang ditetapkannya sebagai cagaran bagi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh vesel itu.

(2) Tertakluk kepada seksyen 21, apa-apa permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah menjadi sah bagi tempoh maksimum selama satu tahun dan adalah tertakluk kepada apa-apa syarat, dan pembayaran apa-apa jumlah wang, sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, sebagai tambahan kepada pembayaran apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) (b) dan apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Tanpa menyentuh subseksyen (1) (a), apa-apa jumlah wang yang dibayar sebagai cagaran di bawah subseksyen (1) (b) boleh digunakan untuk membayar atau menanggung apa-apa denda atau tuntutan yang akan dikenakan atau yang akan timbul akibat dari atau melalui aktiviti-aktiviti vesel penangkapan ikan asing dan baki jumlah wang itu, jika ada, hendaklah dikembalikan apabila habisnya tempoh atau terbatalnya permit itu.

(4) Syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (2) bolehlah termasuk, dan dalam hal perenggan (t) hendaklah termasuk, tetapi tidaklah terhad kepada, syarat-syarat berkenaan dengan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

(a) kawasan-kawasannya yang dibenar untuk menangkap ikan;

- (b) tempohnya yang dibenar untuk menangkap ikan;
- (c) spesies, umur, panjang, berat dan banyaknya ikan yang boleh disimpan di atas vesel penangkapan ikan asing, yang didaratkan di Malaysia atau yang dipindahkapal;
- (d) cara- cara bagaimana ikan itu ditangkap;
- (e) jenis, saiz dan bilangan peralatan menangkap ikan yang boleh digunakan atau dibawa oleh vesel penangkapan ikan asing dan cara menyimpan peralatan itu semasa tidak digunakan;
- (f) pemindahan, pindahkapal, pendaratan dan pemprosesan ikan yang ditangkap;
- (g) kemasukan vesel penangkapan ikan asing ke pelabuhan Malaysia, sama ada bagi tujuan memeriksa tangkapannya atau bagi apa-apa maksud lain;
- (h) maklumat statistik dan lain-lain maklumat yang dikehendaki supaya diberi oleh vesel penangkapan ikan asing kepada Kerajaan Malaysia, termasuklah statistik berhubung dengan tangkapannya dan usaha menangkap ikan dan laporan tetap tentang kedudukan vesel itu;
- (i) perjalanan oleh vesel penangkapan ikan asing akan program yang ditetapkan bagi penyelidikan perikanan di perairan perikanan Malaysia dan pengawalseliaan tentang penyelidikan itu termasuklah mengumpul data tentang tangkapan, memindahkan sampel dan melaporkan data saintifik yang berkaitan;
- (j) latihan bagi rakyat Malaysia tentang cara-cara menangkap ikan yang digunakan oleh vesel penangkapan ikan asing dan dalam lapangan-lapangan lain yang berkaitan, pengambilan kerja rakyat Malaysia atas vesel penangkapan ikan asing dan pemindahan teknologi yang sesuai berhubung dengan perikanan ke Malaysia;
- (k) penyimpanan dan penunjukan atas vesel akan permit yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing;
- (l) penandaan yang kekal pada vesel penangkapan ikan asing dengan apa-apa huruf, nombor atau lain-lain cara

pengenalan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;

- (m) pematuhan oleh vesel penangkapan ikan asing akan arahan-arahan, suruhan-suruhan dan lain-lain kehendak yang diberi atau yang dibuat oleh kapal, lain-lain vesel atau pesawat udara kepunyaan Kerajaan Malaysia;
- (n) penempatan pemerhati-pemerhati atas vesel penangkapan ikan asing dan pembayaran ganti kepada Kerajaan Malaysia oleh pemegang permit akan kos melakukan sedemikian;
- (o) pemasangan atas vesel penangkapan ikan asing dan penyenggaraan suatu transponder atau lain-lain kelengkapan yang berjalan dengan baik untuk mengenal dan menentukan lokasi vesel itu dan kelengkapan pelayaran yang cukup bagi membolehkan kedudukan vesel itu ditetapkan;
- (p) pembinaan kemudahan-kemudahan berpangkalan di pantai berhubung dengan perikanan;
- (q) pengangkutan ke atas vesel penangkapan ikan asing akan apa-apa kelengkapan perhubungan, carta nautika, penerbitan nautika dan peralatan nautika sebagaimana yang ditetapkan;
- (r) perlindungan yang secukupnya ke atas perikanan tempatan dan tradisional dan pampasan yang kena dibayar kepada warganegara Malaysia, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri dalam Malaysia kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh vesel penangkapan ikan asing terhadap vesel penangkapan ikan, peralatan menangkap ikan atau tangkapan kepunyaan warganegara Malaysia atau mana-mana Kerajaan atau terhadap stok ikan;
- (s) pendaratan kesemua atau mana-mana bahagian tangkapannya oleh vesel penangkapan ikan asing di Malaysia;
- (t) komposisi dan kerakyatan anggota-anggota kru vesel penangkapan ikan asing dan kehendak bagi mematuhi subseksyen (1) (c) seksyen 10;
- (u) pemeriksaan terhadap vesel penangkapan ikan asing tentang kelas dan kelayakan belayar dan keperluan-keperluan keanggotaan;

(v) fee, royalti, caj atau apa-apa bayaran lain oleh vesel penangkapan ikan asing;

(w) penyelenggaraan log dan rekod jualan ikan yang ditangkap oleh vesel penangkapan ikan asing; dan

(x) apa-apa perkara lain sebagaimana yang dianggap perlu atau bermanfaat oleh Ketua Pengarah bagi pelaksanaan Bahagian ini.

(5) Jika berlaku pelanggaran terhadap mana-mana syarat permit yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing-

(a) empunya dan nakhodanya adalah setiap orangnya bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi seratus ribu ringgit tiap-tiap seorang; dan

(b) tiap-tiap anggota kru vesel itu adalah juga bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit tiap-tiap seorang.

(6) Tiada permit yang dikeluarkan di bawah seksyen ini boleh meringankan empunya, nakhoda atau anggota kru mana-mana vesel penangkapan ikan asing daripada apa-apa kewajipan atau kehendak supaya mematuhi mana-mana undang-undang yang mungkin terpakai.

20. Membawa atau memiliki di perairan perikanan Malaysia ikan yang diambil atau diterima daripada vesel penangkapan ikan asing.

Mana-mana orang yang membawa masuk ke dalam, atau apa yang ada dalam milik, jagaan atau kawalannya di, perairan perikanan Malaysia, ikan yang diambil atau yang diterima daripada vesel penangkapan ikan asing adalah bersalah melakukan suatu kesalahan melainkan jika dia dibenarkan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh Ketua Pengarah

21. Pembatalan atau penggantung permit.

(1) Ketua Pengarah boleh membatalkan atau menggantung mana-mana permit-

(a) jika berlaku apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat dalam

permit; atau

- (b) jika dia berpuas hati bahawa tindakan itu adalah perlu atau bermanfaat bagi pengurusan perikanan yang sempurna.

(2) Jika sesuatu permit telah dibatalkan atau digantung di bawah subseksyen (1) (b) kadar apa-apa fee yang dibayar bagi permit yang merupakan tempoh permit yang belum tamat itu hendaklah dibayar ganti kepada pemegang permit tetapi apa jua bayaran ganti tidak boleh dibuat jika permit itu telah dibatalkan atau digantung kerana sebab lain.

22. Perubahan syarat-syarat dalam permit.

Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa mengubah syarat-syarat permit yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini jika dia berpuas hati bahawa adalah perlu atau bermanfaat untuk berbuat demikian bagi pengurusan perikanan yang sempurna, tetapi notis yang wajar tentang perubahan yang dicadangkan itu hendaklah diberi kepada pemegang permit yang mana jika dia berhasratkan sedemikian, adalah mempunyai hak untuk didengar dalam tempoh sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

23. Keputusan Ketua Pengarah tidak boleh dikaji semula.

Keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 21 atau 22 tidaklah boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah dengan alasan bahawa keputusan itu tidak perlu atau bermanfaat bagi pengurusan perikanan yang sempurna.

24. Liabiliti orang-orang berkenaan dengan vesel penangkapan ikan asing.

(1) Jika berlaku suatu pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Bahagian ini atau perundangan subsidiari yang dibuat bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka empunya, nakhoda dan tiap-tiap anggota kru vesel penangkapan ikan asing yang berkenaan adalah setiap seorangnya bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Dalam Bahagian ini dan dalam mana-mana perundangan subsidiari, "anggota kru" tidak termasuk mana-mana kakitangan atau pemerhati yang mana adalah warganegara Malaysia dan yang berada atas vesel penangkapan ikan asing menurut suatu syarat permit yang dikeluarkan berkenaan dengan vesel itu.

(3) Bagi maksud apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini, beban untuk membuktikan bahawa sesuatu vesel penangkapan ikan bukanlah vesel penangkapan ikan asing adalah terletak pada orang yang dipertuduh melakukan kesalahan yang berhubungan dengannya isu itu berbangkit.

[Mas. Akta
A854]

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN

25. Kesalahan-kesalahan di bawah Akta

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas diperuntukkan berhubungan dengannya, orang itu boleh-

- (a) jika vesel yang berkenaan itu ialah vesel penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan itu ialah rakyat negara asing, dikenakan denda tidak melebihi sejuta ringgit setiap orang dalam hal empunya atau nakhoda, dan seratus ribu ringgit dalam hal tiap-tiap anggota kru;
- (b) dalam segala hal lain, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

26. Menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan racun, dsb.

- (1) Mana-mana orang yang-
 - (a) menggunakan atau cuba menggunakan apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik, atau apa-apa alat yang dilarang, bagi maksud membunuh, melali, mencatikan atau menangkap ikan, atau dengan apa jua cara lain menyebabkan ikan itu lebih senang ditangkap;
 - (b) membawa atau mempunyai dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, atau apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik, atau apa-apa alat yang dilarang, dengan tujuan hendak menggunakan bahan letupan, racun atau pencemar, atau perkakas, atau alat yang dilarang itu, bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam perenggan (a); atau

- (c) mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana ikan adalah spesies yang dilarang atau telah ditangkap dengan melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini, menerima atau didapati memiliki ikan itu,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Apa-apa bahan letupan, racun atau pencemar, perkakas atau alat yang tersebut dalam subseksyen (1) yang dijumpai dalam milik atau di bawah kawalan mana-mana orang hendaklah dianggap sebagai dicadang untuk digunakan bagi apa-apa maksud yang tersebut dalam subseksyen (1) (a) melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

27. Mamalia akuatik atau penyu di perairan perikanan Malaysia

(1) Tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil apa-apa mamalia akuatik atau penyu yang dijumpai di luar bidang kuasa mana-mana Negeri dalam Malaysia.

(2) Peruntukan-peruntukan undang-undang Negeri yang relevan hendaklah terpakai berkenaan dengan mamalia akuatik dan penyu yang dijumpai dalam bidang kuasa itu.

(3) Jika mana-mana mamalia akuatik atau penyu yang dijumpai di luar bidang kuasa itu ditangkap atau diambil dengan tidak sengaja semasa menangkap ikan, mamalia akuatik atau penyu itu hendaklah, jika masih hidup, dilepaskan dengan segera atau, jika telah mati, penangkapan atau pengambilannya itu hendaklah dilaporkan kepada pegawai perikanan dan mamalia akuatik atau penyu itu hendaklah dilupuskan mengikut arahan-arrahannya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau subseksyen (3) adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit.

28. Kerosakan dengan sengaja terhadap vesel penangkapan ikan, dsb.

Mana-mana orang yang dengan sengaja merosakkan atau memusnahkan mana-mana vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

29. Memusnahkan keterangan yang menuduh.

Mana-mana orang yang memusnahkan atau meninggalkan apa-apa ikan, memalia akuatik, penyu, peralatan menangkap ikan, bahan letupan, racun, pencemar, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain, dengan tujuan untuk mengelak penyitaannya atau pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

30. Nakhoda dan majikan adalah bertanggung.

(1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh mana-mana orang yang berada atas vesel penangkapan ikan, nakhoda dan empunya vesel itu adalah juga setiap seorangnya dianggap bersalah melakukan kesalahan itu.

(2) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu syarikat perkongsian, firma atau perniagaan, tiap-tiap penarah atau tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ada kaitan secara langsung dengan aktiviti itu yang menyebabkan berlakunya kesalahan, tiap-tiap anggota perkongsian itu, dan tiap-tiap orang yang ada kena mengena dengan pengurusan firma atau perniagaan itu adalah setiap seorangnya bersalah melakukan kesalahan itu.

31. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan.

(1) Tertakluk kepada subseksyen-subseksyen yang berikut, mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dengan sejumlah wang yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu, dengan syarat bahawa kesalahan itu adalah kesalahan kali pertama, kedua atau ketiga sahaja:

[Gan. Akta
A854]

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1) seksyen 43 kompaun itu tidaklah boleh kurang daripada seratus ringgit.

(2) Apa-apa kesalahan yang dilakukan melanggar dengan seksyen 8(a), 11(3), 15(1) atau 16 yang dibaca dengan seksyen 25 atau 26 tidaklah boleh dikompaun.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), mana-mana pegawai perikanan boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (3) seksyen 11 jika peralatan menangkap ikan yang berhubungan dengannya kesalahan itu dilakukan adalah peralatan menangkap ikan tradisional, dengan sejumlah wang yang tidak

kurang daripada lima ratus ringgit dan tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu.

(4) Jika sesuatu peralatan menangkap ikan menjadi hal perkara apa-apa kesalahan yang dikompaun di bawah subseksyen (1), peralatan menangkap ikan itu boleh dirampas dan dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini telah dikompaunkan mengikut seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan apa-apa barang daripada jenis yang mudah rosak yang menjadi hal perkara apa-apa kesalahan, dijual dan hasil jualan itu dilucuthakkan.

32. Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Kelas Satu adalah mempunyai bidang kuasa dan kuasa penuh di bawah Akta ini.

(1) Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan, apa jua kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah dilakukan di Malaysia bagi maksud memberi bidang kuasa kepada mahkamah untuk membicarakan kesalahan itu, dan Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu adalah setiap satunya mempunyai bidang kuasa dan kuasa penuh bagi semua maksud di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidaklah boleh diertikan sebagai mengurangkan dengan apa jua cara bidang kuasa dan kuasa Mahkamah Tinggi untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Apa-apa prosiding di bawah Akta ini hendaklah dibawah ke hadapan Mahkamah sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Satu yang paling dekat dengan tempat di mana kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan atau yang terletak di tempat yang paling mudah untuk dibicarakan mengikut hal keadaan kes itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Pendakwa Raya.

(4) Seksyen ini adalah dengan tidak menyentuh peruntukan-peruntukan Kanun Prosedur Jenayah berhubung dengan pemindahan kes.

33. Kuasa mahkamah untuk mengarahkan pembatalan lesen atau permit.

(1) Jika mana-mana orang dipertuduh dan didapati bersalah

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang mungkin dikenakan, memerintahkan supaya dibatalkan mana-mana lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang berhubungan dengannya kesalahan itu telah dilakukan.

(2) Jika mana-mana orang yang berhubungan dengannya sesuatu lesen atau permit telah dikeluarkan di bawah Akta ini dipertuduh dan didapati bersalah melakukan kesalahan kali kedua atau kesalahan yang berikut di bawah Akta ini, mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang mungkin dikenakan, memerintahkan supaya orang itu hilang kelayakannya daripada memegang sesuatu lesen atau permit di bawah Akta ini selama tempoh tidak melebihi lima tahun, dan orang itu adalah bersalah melakukan suatu kesalahan jika dia memperoleh atau cuba memperoleh apa-apa lesen atau permit di bawah Akta ini semasa dia hilang kelayakan itu.

34. Mahkamah boleh mengarahkan supaya dilucuthak vesel yang disita, dsb., dalam hal keadaan tertentu.

Jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa apa-apa vesel, kenderaan, barang atau benda yang disita di bawah Akta ini telah menjadi hal perkara, atau telah digunakan dalam melakukan, suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh memerintahkan supaya vesel, kenderaan, barang atau benda itu dilucuthak walaupun tiada seorang pun telah didapati bersalah melakukan kesalahan itu.

35. Anggapan mengenai peta, pelan atau carta yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.

(1) Bagi maksud-maksud Akta ini, mahkamah hendaklah menganggapkan bahawa peta, pelan atau carta yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa-

- (a) Kerajaan Persekutuan;
- (b) Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia; atau
- (c) Kerajaan sesuatu "Negeri" sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia untuk kegunaan.

telah dibuat sedemikian rupa dan adalah tepat.

(2) Bagi maksud perenggan (c) subseksyen (1), suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi ukur dan pemetaan atau Menteri yang bertanggungjawab bagi pertahanan yang menyatakan bahawa sesuatu peta, pelan atau carta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, dalam apa-apa prosiding undang-undang, menjadi bukti muktamad mengenai fakta yang dinyatakan sedemikian.

[Mas. Akta
A854]

36. Menteri boleh melantik orang-orang lain menjadi pegawai berkuasa.

Tanpa menyentuh takrif “pegawai berkuasa” dalam seksyen 2, Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, melantik mana-mana orang atau golongan orang lain yang difikirkannya perlu menjadi pegawai berkuasa atau pegawai-pegawai berkuasa bagi maksud-maksud Akta ini.

BAHAGIAN VII

PENYU DAN PERIKANAN DARAT

37. Galakan pemajuan dan pengurusan perikanan darat.

Ketua Pengarah boleh, dengan berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan, menggalakan pemajuan dan pengurusan yang rasional bagi perikanan darat melalui-

- (a) penjalanan atau penyelarasan penyelidikan;
- (b) peruntukan dan senggaraan ke atas stesen akuakultur percubaan dan tunjukcara, tempat pembiak-baik ikan dan pusat latihan;
- (c) peruntukan nasihat dan bantuan teknik kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dengan Negeri itu;
- (d) peruntukan kemudahan-kemudahan publisiti dan tunjukcara dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan ; dan
- (e) peruntukan nasihat mengenai langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan.

38. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan penyu dan perikanan darat.

(1) Pihak Berkuasa Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah secara khusus atau amnya mengenai pemuliharaan, pemajuan, pengurusan dan pengawalseliaan yang sempurna ke atas penyu dan perikanan darat dalam mana-mana Negeri dalam Malaysia atau dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, mengikut mana yang berkenaan, dan boleh, khususnya membuat kaedah-kaedah bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) untuk memaju dan mengawalselia akuakultur di perairan sungai dan, khususnya, mengadakan peruntukan bagi pemajakan dan pelesenan tasik, paya, kolam lombong dan lain-lain kolam dan tanah dan lain-lain kawasan untuk memelihara ikan, menetapkan piawai bagi pembinaan dan kawalan establismen akuakultur (termasuk saiz dan dalamnya kolam itu), langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan dan mengawal spesies ikan yang tertentu yang mungkin dikeluarkan melalui pemeliharaan;
- (b) untuk membuat peruntukan mengenai pelesenan, pengawalseliaan dan pengurusan mana-mana perikanan darat tertentu dan mengenai pengurusan penyu;
- (c) untuk membuat peruntukan mengenai pelesenan vesel penangkapan ikan dan peralatan menangkap ikan yang dikendalikan atau digunakan di perairan sungai;
- (d) untuk mengawalselia atau melarang apa-apa cara menangkap ikan di perairan sungai atau penggunaan atau pemilikan apa-apa jenis perangkap atau jaring yang tertentu, dan untuk menetapkan saiz mata jaring yang minimum bagi jaring ikan;
- (e) untuk mengawalselia atau melarang pembinaan, senggaraan, penandaan dan pengendalian, belat ikan di perairan sungai;
- (f) untuk menetapkan berat dan saiz ikan yang minimum yang boleh ditangkap di perairan sungai bagi maksud jualan, pemprosesan, penggunaan atau kesukanan, atau untuk melarang penangkapan apa-apa spesies ikan yang ditetapkan;

- (g) untuk menetapkan musim tertutup menangkap ikan di mana-mana kawasan yang ditetapkan, menangkap spesies ikan yang tertentu atau menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara menangkap ikan yang tertentu di perairan sungai;
 - (h) untuk menentukan kawasan-kawasan yang dilarang untuk menangkap semua spesies ikan atau spesies ikan yang tertentu atau menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara menangkap ikan yang tertentu di perairan sungai;
 - (i) untuk menentukan orang-orang mengikut nama atau jawatan menjadi pegawai pelesenan di bawah Bahagian ini dan untuk menetapkan kuasa-kuasa yang akan dijalankan oleh pegawai-pegawai itu dan oleh pegawai-pegawai perikanan atau pegawai-pegawai perikanan darat, mengikut mana yang berkenaan, berkenaan dengan penyu dan perikanan darat;
 - (j) untuk menetapkan syarat dan prosedur membuat permohonan mendapatkan apa-apa permit, lesen, perakuan atau lain-lain dokumen yang dikehendaki di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini berhubung dengan penyu dan perikanan darat bentuknya dan amaun fee dan deposit yang kena dibayar baginya;
 - (k) bagi maksud pemuliharaan ikan di perairan sungai, untuk mengawalselia dan mengawal pembinaan apa-apa geluncuran, empangan atau lain-lain galangan, atau membuang pasir atau batu kelikir atau lain-lain perubahan kepada persekitaran semulajadi atau habitat ikan;
 - (l) untuk menetapkan penalti bagi kesalahan-kesalahan; dan
 - (m) untuk menentukan, menetapkan, menggalakkan, memperuntukkan atau mengawalselia apa-apa perkara lain bagi pemuliharaan, kemajuan, pengurusan dan pengawalseliaan yang sempurna ke atas penyu dan perikanan darat.
- (2) Dalam seksyen ini, “penyu” termasuklah telur penyu.

BAHAGIAN VIII

AKUAKULTUR

39. Pemajuan akuakultur.

Ketua Pengarah boleh, dan dengan berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan di mana ia berhubung dengan perikanan darat di Negeri-Negeri Malaysia, menggalakkan pemajuan akuakultur di Malaysia.

40. Kawalan ke atas ikan hidup.

(1) Mana-mana orang yang mengimport ke dalam atau mengeksport ke luar Malaysia atau mengangkut dari Malaysia Barat ke Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sabah atau Sarawak, atau mengangkut dari Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sabah atau Sarawak ke Malaysia Barat, ikan hidup tanpa permit, atau dengan melanggar apa-apa syarat dalam permit, yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam permit, termasuklah syarat-syarat berkenaan dengan keadaan kebersihan ikan yang akan dieksport, diimport atau diangkut dan langkah-langkah untuk mengelak merebaknya penyakit ikan yang boleh berjangkit, atau untuk mengelak atau mengawal spesies ikan yang bukan asli daripada dilepaskan ke persekitaran semulajadi.

BAHAGIAN IX

TAMAN LAUT DAN RIZAB LAUT

41. Penubuhan taman laut atau rizab laut.

(1) Menteri boleh, melalui perintah dalam Warta, menubuhkan mana-mana kawasan atau sebahagian daripada suatu kawasan di perairan perikanan Malaysia sebagai taman laut atau rizab laut untuk-

- (a) memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna akuatik di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu dan untuk melindungi memelihara dan mengawal tapak pembiakbaik semulajadi dan habitat hidupan akuatik,

dengan memberi perhatian yang khusus kepada spesies flora dan fauna yang luar biasa atau

yang mendatangkan bahaya;

- (b) membiarkan hidupan akuatik hidup semula di kawasan itu atau di sebahagian daripada kawasan itu di mana hidupan itu telah pupus;
- (c) menggalakkan pengkajian dan penyelidikan saintifik berkenaan dengan kawasan itu atau sebahagian daripada kawasan itu;
- (d) mengekalkan dan meninggikan keadaan asli dan daya pengeluaran kawasan itu atau sebahagian daripada kawasan itu; dan
- (e) mengawalselia aktiviti rekreasi dan lain-lain aktiviti dalam kawasan itu atau dalam sebahagian daripada kawasan itu untuk mengelakkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan kepada persekitarannya.

(2) Batas mana-mana kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah subseksyen (1) boleh dipindah oleh Menteri melalui perintah dalam Warta dan perintah itu boleh juga memperuntukkan supaya kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu terhenti daripada menjadi taman laut atau rizab laut.

41A. Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut dan keanggotaan.

(1) Menteri boleh menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut.

(2) Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian Malaysia;
- (b) wakil Kerajaan Negeri yang berkenaan;
- (c) wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (d) wakil Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan alam sekitar;

- (e) wakil Jabatan Perikanan;
- (f) wakil Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara;
- (g) wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri;
- (h) wakil Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia;
- (i) wakil Persatuan Sains Kelautan Malaysia;
- (j) wakil Dana Sedunia Alam Semulajadi Malaysia;
- (k) wakil Persatuan Pencinta Alam Malaysia; dan
- (l) mana-mana anggota lain yang akan dilantik dari semasa ke semasa.

41b. Fungsi majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut.

Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut hendaklah menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan kawasan taman laut atau rizab laut khususnya-

- (a) untuk menentukan garis panduan berkenaan dengan perlindungan, pemuliharaan, penggunaan, kawalan, pengurusan dan kemajuan kawasan-kawasan taman laut dan rizab laut bagi pelaksanaan di peringkat kebangsaan;
- (b) untuk menyelaraskan pembangunan mana-mana kawasan taman laut atau rizab laut dengan Kerajaan Persekutuan dan mana-mana pertubuhan perbadanan; dan
- (c) untuk memberi nasihat teknik kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan apa-apa projek pembangunan di mana-mana pulau yang terletak di dalam kawasan taman laut atau rizab laut.

42. Kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah.

Ketua Pengarah adalah berkuasa untuk mengawal dan mengarah secara am dan bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua perkara berhubung dengan taman laut dan rizab laut di perairan

perikanan Malaysia.

43. Kesalahan kerana melakukan perbuatan-perbuatan tertentu tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

(1) Mana-mana orang yang berada dalam taman laut atau rizab laut di perairan Malaysia tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pengarah-

- (a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan;
- (b) mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian daripadanya, sama ada yang hidup atau mati;
- (c) memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan mana-mana pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiak-baik semulajadi atau habitat hidupan akuatik, atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik;
- (d) membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan atas atau yang merintanginya mana-mana tanah atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut;
- (e) melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa jenis pemberat, atau dengan menyangkutkan apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang, batu atau lain-lain benda yang timbul; atau
- (f) memusnahkan, mencacatkan atau mengalih apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut atau rizab laut,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Kebenaran untuk melakukan mana-mana perkara yang tersebut dalam subseksyen (1) boleh diberi oleh Ketua Pengarah secara bertulis jika ianya adalah perlu bagi pengurusan yang sempurna ke atas taman laut atau rizab laut atau menurut apa-apa maksud yang tersebut dalam seksyen 41.

44. Larangan mutlak terhadap senjata-senjata tertentu.

(1) Tiada seorang pun boleh membawa, mengguna atau memiliki dalam taman laut atau rizab laut di perairan perikanan Malaysia-

- (a) apa jua senapan angin, serampang, kelengkapan melembing ikan, tempuling atau senapan sedutan; atau
- (b) apa jua jenis senjata lain yang berkemungkinan merbahaya kepada hidupan tumbuhan akuatik, hidupan haiwan akuatik atau struktur terumbu karang.

(2) Penggunaan apa jua senjata yang tersebut dalam subseksyen (1) dari luar batas taman laut atau rizab laut dan ditujukan atau diarahkan ke hala taman laut atau rizab laut adalah juga dilarang.

45. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

(1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan secara khusus atau amnya untuk mengezonkan, mengurus, memaju, mengawal dan melindungi taman laut atau rizab laut di perairan perikanan Malaysia dan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang berlainan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan taman laut dan rizab laut yang berlainan dan peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan mengenai pembahagian taman dan rizab itu kepada zon-zon dan boleh menetapkan syarat-syarat yang menurutnya setiap zon dibentuk dan disenggarakan.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN

46. Kuasa-kuasa pegawai berkuasa.

Bagi maksud menentukan pematuhan peruntukan-peruntukan Akta ini, mana-mana pegawai berkuasa boleh, jika dia ada sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, tanpa waran-

- (a) menghentikan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel dalam perairan perikanan Malaysia dan menjalankan apa-apa penyiasatan, pemeriksaan dan

penelitian berkenaan dengan pelayaran dan kelayakan belayar vesel itu, krunya, kelengkapan atau peralatan menangkap ikan, atau ikan yang dibawa naik ke atas vesel itu;

- (b) menghentikan, menaiki dan menggeledah, serta memeriksa mana-mana vesel atau kenderaan yang mengangkut ikan, sama ada dalam perairan perikanan Malaysia atau atas darat;
- (c) menghendaki supaya dikemukakan dan memeriksa mana-mana peralatan menangkap ikan sama ada dalam perairan perikanan Malaysia atau atas darat;
- (d) memeriksa mana-mana belat ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut dalam perairan perikanan Malaysia;
- (e) memeriksa mana-mana lesen, permit, rekod, perakuan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah dan piawai yang diakui umum, dan membuat salinannya.

47. Kuasa untuk memasuki, menyita serta menangkap dsb.

(1) Mana-mana pegawai berkuasa boleh, jika dia ada sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, tanpa waran-

- (a) memasuki dan menggeledah mana-mana tempat yang di ada sebab bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini hampir dilakukan atau telah dilakukan;
- (b) mengambil sampel mana-mana ikan yang didapati di dalam mana-mana vesel atau kenderaan yang diperiksa di bawah seksyen 46 atau mana-mana tempat yang digeledah di bawah perenggan (a);
- (c) menangkap mana-mana orang yang dia ada sebab bagi mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (d) menyita mana-mana vesel, termasuk kelengkapan, alat, perabot, alatan bersangkutan, storan dan kargo, atau apa-apa kenderaan yang dia ada sebab bagi mempercayai

telah digunakan semasa melakukan apa-apa kesalahan atau yang berhubungan dengannya apa-apa kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini;

- (e) menyita mana-mana ikan yang dia ada sebab bagi mempercayai telah ditangkap semasa melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (f) menyita apa-apa bahan letupann, racun, pencemar, perkakas atau alat yang dilarang yang dia ada sebab bagi mempercayai telah digunakan, atau berada dalam milik seseorang, dengan melanggar seksyen 26; atau
- (g) menyita mana-mana vesel penangkapan ikan yang tidak berlesen, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau sistem kultur laut.

(2) Semasa melaksanakan apa-apa jua penyitaan di bawah subseksyen (1), seseorang pegawai berkuasa boleh menggunakan kekerasan yang semunasabahnya perlu.

(3) Suatu akuan terima bertulis hendaklah diberi berkenaan dengan apa jua benda yang disita di bawah subseksyen (1).

47A. Kuasa penyiasatan pegawai perikanan.

(1) Mana-mana pegawai perikanan hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai perikanan supaya memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain berhubungan dengan perlakuan kesalahan itu yang adalah dalam kuasa orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat atau mengemukakan dokumen atau benda lain itu.

47B. Kuasa pegawai perikanan untuk menghenaki kehadiran saksi.

- (1) Seseorang pegawai perikanan yang menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh melalui perintah bertulis menghendaki mana-mana orang yang ternyata kepada pegawai itu mengetahui akan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

- (2) Jika mana-mana orang sedemikian enggan untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki, maka pegawai itu boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang sesudah itu boleh mengikut budi bicaranya mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang disebut terdahulu itu.
- (3) Seseorang yang hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) berhak dibayar perbelanjaan perjalanan dan saraan yang munasabah yang dilakukan olehnya dan adalah sah bagi Ketua Pengarah untuk membayar perbelanjaan tersebut.

47C. Pemeriksaan saksi oleh pegawai perikanan.

(1) Seseorang pegawai perikanan yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang sedemikian adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai itu.

Dengan syarat bahawa orang sedemikian boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada sesuatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat sesuatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.

(4) Seseorang pegawai perikanan yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamasa mungkin, diubahkan ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, setelah pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalam mana pernyataan itu dibuat dan setelah

dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

47D. Prosedur jika penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam dua puluh empat jam oleh pegawai perikanan.

(1) Bilamasa mana-mana orang ditangkap dan ditahan dalam jagaan oleh seorang pegawai perikanan kerana sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dan ternyata bahawa penyiasatan itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa orang itu ditangkap, mana-mana pegawai perikanan boleh mengemukakan orang itu ke hadapan seorang Majistret bagi maksud subseksyen (2).

(2) Majistret yang ke hadapannya orang itu dikemukakan di bawah subseksyen (1) boleh, sama ada dia mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes itu atau tidak, dari semasa ke semasa membenarkan orang itu ditahan dalam jagaan sebagaimana yang difikirkan patut olehnya selama tempoh tidak melebihi lima belas hari pada keseluruhannya.

48. Jualan ikan atau lain-lain benda dari jenis yang mudah rosak.

(1) Mana-mana ikan atau lain-lain benda dari jenis yang mudah rosak yang disita di bawah Akta ini boleh, atas arahan Ketua Pengarah, dijual dan hasil jualan itu hendaklah ditahan dan diuruskan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Kerajaan Malaysia tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang atas apa-apa kemerosotan mutu mana-mana ikan atau lain-lain benda yang disita di bawah Akta ini yang disebabkan dengan apa jua cara.

49. Penyitaan dan perlucuthakan vesel, dsb.

(1) Jika mana-mana vesel, kenderaan, benda atau barang disita di bawah Akta ini dan ada pendakwaan dibuat berkenaan dengannya, vesel, kenderaan, benda atau barang itu hendaklah ditahan selama tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan yang mana apabila habisnya tempoh itu hendaklah disifatkan sebagai terlucuthak, melainkan jika suatu tuntutan bertulis mengenainya diterima dalam tempoh yang tersebut di atas.

(2) Jika apa-apa tuntutan bertulis diterima di bawah subseksyen (1), tuntutan itu hendaklah dirujuk oleh Ketua Pengarah kepada Mahkamah Sesyen atau kepada mahkamah Majistret Kelas Satu untuk mendapatkan keputusannya mengenai pelupusan vesel, kenderaan, benda atau barang itu yang boleh, tertakluk kepada seksyen 50, ditahan sementara menunggu selesainya prosiding itu.

(3) Mahkamah yang berkenaan hendaklah mengeluarkan suatu sama yang menghendaki pihak menuntut dan orang, jika ada, yang daripadanya vesel, kenderaan, benda atau barang itu telah disita supaya hadir dalam Mahkamah dan apabila pihak menuntut atau orang itu hadir, atau apabila dia gagal berbuat demikian setelah diberi notis yang munasabah, Mahkamah hendaklah terus bertindak meneliti perkara itu dan membuat suatu perintah setelah fakta-fakta itu dibuktikan.

50. Memulangkan sementara vesel, dsb., yang disita.

(1) Jika sesuatu vesel, kenderaan, benda atau barang disita di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh memulangkan vesel, kenderaan atau benda itu untuk sementara waktu kepada empunya atau kepada orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya vesel, kenderaan, benda atau barang itu disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat (termasuklah penggantungan lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini) sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk, bagaimanapun, kepada jaminan yang secukupnya diberi dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa vesel, kenderaan, benda atau barang itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, hendaklah dipatuhi.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) jaminan yang akan diberi di bawahnya tidaklah boleh kurang daripada nilai agregat vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargonya dan peralatannya menangkap ikan), kenderaan, benda atau barang itu.

(3) Mana-mana yang-

- (a) apabila diminta, tidak menyerahkan kepada Ketua Pengarah vesel, kenderaan, benda atau barang yang dipulangkan untuk sementara waktu kepadanya di bawah subseksyen (1); atau
- (b) tidak mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

51. Kos menahan vesel, dsb., dalam jagaan.

Jika mana-mana vesel, kenderaan, benda atau barang ditahan dalam jagaan Kerajaan Malaysia sementara menunggu selesainya sesuatu prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos menahan vesel, kenderaan, benda atau barang dalam jagaan itu hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah melakukan kesalahan itu, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia secara bersesama dan berasingan oleh pemegang lesen, pemegang permit empunya, dan nakhoda vesel itu, dan boleh didapatkan kembali dengan sewajarnya.

52. Rampasan dan pelupusan vesel, dsb.

(1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan-

(a) di bawah seksyen 8(a), 15(1) atau 26; dan

(b) kerana melanggar apa-apa syarat lesen yang berhubungan dengan kawasan penangkapan ikan yang dibenarkan di bawah lesen itu,

mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan-

(i) memerintahkan supaya vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargo dan peralatan menangkap ikan), kenderaan, benda atau barang yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang berhubungan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dilucuthakkan; dan

(ii) memerintahkan supaya apa-apa ikan yang ditangkap dalam melakukan kesalahan itu atau hasil jualan apa-apa ikan atau benda lain daripada jenis yang mudah rosak yang disebutkan dalam seksyen 48, dan apa-apa bahan letupan, racun, pencemar, perkakas atau alat yang dilarang yang digunakan atau yang dicadang untuk digunakan dalam melakukan kesalahan itu dilucuthakkan.

(2) Mana-mana vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargo dan peralatan menangkap ikannya),

kenderaan, benda, barang, bahan letupan, racun, pencemar, perkakas, alat yang dilarang atau ikan yang diperintah supaya dilucuthakkan di bawah subseksyen (1) atau disifatkan terlucuthak atau diperintah supaya dilucuthakkan di bawah seksyen 49 hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut dan konsisten dengan apa-apa skim yang menghadkan usaha menangkap ikan oleh Ketua Pengarah.

53. Galangan terhadap pegawai berkuasa.

Mana-mana orang yang menentang atau dengan sengaja menghalang mana-mana pegawai berkuasa atau tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat oleh mana-mana pegawai berkuasa semasa menjalankan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.

54. Pegawai berkuasa hendaklah mengisytiharkan jawatan.

Mana-mana pegawai berkuasa apabila melaksanakan fungsi atau kewajipannya atau semasa menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada mana-mana orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan, apa-apa surat pengenalan atau surat kebenaran bertulis membuktikan dia adalah pegawai berkuasa bagi maksud Akta ini.

55. Halangan untuk bertindak.

(1) Tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang dilakukan atau yang ditinggal daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan atau yang berupa sebagai melaksanakan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa tindakan boleh dibuat terhadap Kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai berkuasa bagi apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana vesel (termasuk kelengkapan, perabot, alatan bersangkutan, storan, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, benda atau barang yang disita di bawah Akta ini melainkan jika terdapat keterangan *prima facie* tentang kecuaiian yang melampau.

56. Anggapan.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika-

- (a) mana-mana ikan; atau
- (b) peralatan menangkap ikan atau lain-lain kelengkapan untuk menangkap ikan,

dijumpai di atas vesel penangkapan ikan asing di perairan perikanan Malaysia, maka ikan, peralatan menangkap ikan atau kelengkapan itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah masing-masing dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya-

- (i) telah ditangkap di perairan perikanan Malaysia; atau
- (ii) telah digunakan untuk menangkap ikan di perairan perikanan Malaysia,

tanpa suatu permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Suatu panggilan radio yang dibuat oleh vesel penangkapan ikan asing kepada seseorang pegawai berkuasa sebelum memasuki perairan perikanan Malaysia-

- (a) yang memberitahu bahawa vesel itu sedang membuat laluan melalui perairan perikanan Malaysia; dan
- (b) yang memberitahu jalannya yang dicadangkan dan banyaknya ikan di atas vesel,

dan menunjukkan bukti, jika vesel itu dihentikan, dinaiki dan digeledah di bawah seksyen 46, bahawa-

- (i) ikan di atas vesel itu disimpan dalam geladak tertutup;
- (ii) peralatan menangkap ikan atau lain-lain kelengkapan untuk menangkap ikan itu disimpan dan dilindungi dengan sempurna di atas vesel itu supaya ianya tidak mudah didapati untuk menangkap ikan; dan
- (iii) vesel itu sedang melalu perairan perikanan Malaysia dari suatu tempat di luar perairan itu ke suatu tempat lain di luar perairan itu melalui jalan paling pendek yang praktik,

adalah mencukupi untuk menjadi suatu pembelaan dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

57. Penyampaian dokumen.

(1) Jika sesuatu dokumen hendak disampaikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini, dokumen itu boleh disampaikan-

- (a) dalam apa-apa hal, dengan menyerahkan sendiri satu salinannya kepada orang yang dokumen itu hendak disampaikan;
- (b) jika dokumen itu hendak disampaikan kepada nakhoda vesel atau kepada orang yang bekerja dalam vesel, dengan meninggalkan dokumen itu untuknya itu di atas vesel tersebut dengan orang yang mana adalah, atau didapati sebagai, mengetuai atau menjaga vesel itu;
- (c) dengan menampalkan satu salinan dokumen itu pada mana-mana bahagian yang mudah dilihat di rumahnya atau pada vesel atau kenderaannya; atau
- (d) dengan cara surat berdaftar yang dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir.

(2) Sesuatu dokumen yang hendak disampaikan kepada nakhoda vesel yang didaftarkan di Malaysia atau yang dilesenkan atau yang dibenarkan menangkap ikan di bawah Akta ini boleh, jika nakhoda tidak dijumpai, disampaikan kepada empunya atau pengurus vesel itu atau, jika tidak ada pengurus, kepada ejen empunya itu yang tinggal di Malaysia atau, jika ejen seperti itu tidak diketahui atau didapati, dengan menampalkan satu salinan dokumen itu pada tiang vesel itu.

58. Pengecualian bagi maksud-maksud tertentu.

Ketua Pengarah boleh, melalui perintah secara bertulis, bagi maksud penyelidikan atau latihan atau kaji selidik mengenai kebolehlaksanaan ekonomi apa-apa aktiviti penangkapan ikan, atau pemuliharaan atau pengurusan yang sempurna terhadap perikanan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan, mengecualikan mana-mana vesel atau orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

59. Daftar-daftar lesen dan permit.

Daftar-daftar yang menunjukkan butir-butir lesen dan permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah disenggara dan disimpan di suatu tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

60. Pengecualian.

Tiada satu pun dalam Akta ini boleh terpakai bagi kawasan-kawasan yang ditentukan dalam Jadual-Jadual kepada Enakmen Hak Sungai, atau bagi kawasan yang dikenali sebagai Karang Air Leleh dan yang ditentukan dalam Jadual kepada Enakmen Karang Air Leleh, atau boleh menyentuh hak-hak eksklusif Raja untuk menangkap ikan di dalam dan di atas kawasan-kawasan tersebut.

61. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan khusus atau amnya mengenai pemuliharaan, pemajuan dan pengurusan yang sempurna perikanan kelautan dan penangkapan ikan di muara dan perikanan di perairan perikanan Malaysia dan berkenaan dengan industri-industri yang berkaitan, mengenai pemuliharaan, pemajuan, pengurusan dan pengawalseliaan penyu di luar bidang kuasa mana-mana Negeri dalam Malaysia, dan mengenai pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada peraturan-peraturan mengenai semua atau mana-mana daripada maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan kaedah-kaedah dan prosedur berkenaan dengan pelaburan modal asing dan cadangan usahaniaga bersama dalam perikanan termasuklah prosedur untuk memindahkan teknologi dan melatih kakitangan Malaysia dengan berkesan;
- (b) untuk menetapkan bilangan, kerakyatan dan komposisi orang-orang yang dibenarkan diambil kerja atau dibawa di atas vesel penangkapan ikan;
- (c) untuk menetapkan piawai keanggotaan bagi vesel penangkapan ikan dan untuk menubuhkan lembaga pemeriksa supaya memeriksa calon-calon berkenaan dengan kecekapan mereka dalam piawaian itu untuk disahkan, dengan berunding dengan Ketua Pengarah Jabatan Laut;
- (d) untuk mengadakan syarat-syarat yang kena dipatuhi oleh

vesel penangkapan ikan tempatan dan asing dalam perairan perikanan Malaysia, termasuklah syarat-syarat berhubung dengan penyimpanan peralatan menangkap ikannya apabila tidak digunakan, dan amnya untuk mengawalselia perjalanan kerja menangkap ikan;

- (e) untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan, pengawalseliaan dan pengurusan mana-mana perikanan tertentu;
- (f) untuk menetapkan musim tertutup berkenaan dengan kawasan perikanan yang ditetapkan atau berkenaan dengan spesies ikan yang ditetapkan, atau cara-cara menangkap ikan yang ditetapkan;
- (g) untuk menetapkan batasan mengenai kuantiti, saiz dan berat ikan yang ditangkap dan disimpan atau diperdagangkan;
- (h) untuk menetapkan saiz mata jaring yang minimum;
- (i) untuk menetapkan kawasan-kawasan menangkap ikan yang dilarang bagi menangkap semua ikan atau spesies ikan yang tertentu atau cara-cara menangkap ikan;
- (j) tanpa menyentuh seksyen 45, untuk mengawalselia aktiviti-aktiviti dalam taman laut dan rizab laut yang ditubuhkan di bawah Bahagian IX;
- (k) untuk melarang cara-cara menangkap ikan atau peralatan menangkap ikan;
- (l) untuk melarang apa-apa spesies ikan;
- (m) untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan vesel penangkapan ikan, belat ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan dan sistem kultur laut;
- (n) untuk mengawalselia atau melarang pembinaan, senggaraan, perjalanan, pembaikan dan pencahayaan belat ikan, peranti mengumpul ikan dan sistem kultur laut;
- (o) untuk mengawalselia pendaratan ikan, untuk mengadakan peruntukan mengenai pengurusan dan kawalan ke atas pelabuhan menangkap ikan dan kawasan mendaratkan ikan, dan untuk melantik mana-mana agensi sebagaimana yang

dikehendaki untuk melaksanakan pengurusan dan kawalan itu;

- (p) untuk menetapkan piawai makanan ikan;
- (q) untuk melarang atau mengawal pengimportan dan pengeksportan ikan hidup, termasuklah ikan air tawar, dan khususnya, untuk melarang atau mengawal pengimportan ke dalam, atau jualan, penternakan atau penyimpanan ikan hidup atau apa-apa spesies ikan hidup yang tertentu yang bukan berasal dari mana-mana bahagian dalam Malaysia atau dari perairan perikanan Malaysia;
- (r) untuk menggalak dan mengawalselia akuakultur di perairan kelautan;
- (s) untuk menetapkan syarat-syarat dan prosedur memohon apa-apa pemberikuasaan permit, lesen perakuan atau lin-lain dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini, bentuknya dan amaun fee, deposit dan sekuriti yang kena dibayar berkenaan dengannya;
- (t) untuk membuat peruntukan mengenai dan memperbaiki pengumpulan statistik dan menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam penangkapan ikan, pemasaran, pemprosesan atau akuakultur supaya memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki;
- (u) untuk mengurus dan mengawalselia penangkapan ikan sebagai satu kesukaan;
- (v) untuk membuat peruntukan mengenai kuasa-kuasa pegawai berkuasa, pegawai perikanan dan timbalan pegawai perikanan;
- (w) untuk menetapkan penalti bagi kesalahan-kesalahan;
- (x) untuk mengadakan peruntukan mengenai pemuliharaan dan pengurusan penyu di luar bidang kuasa mana-mana Negeri dalam Malaysia;
- (y) untuk menetapkan perkara-perkara berhubung dengan kawalan dan penyitaan vesel penangkapan ikan tempatan dan asing;

- (z) untuk mengadakan peruntukan mengenai apa-apa langkah lain sebagaimana yang perlu atau bermanfaat bagi memastikan bahawa vesel penangkapan ikan asing digunakan untuk menangkap ikan dalam zon ekonomi eksklusif atau untuk menangkap ikan dari spesies sedentari di pelantar benua sahaja mengikut syarat-syarat perमितnya;
- (aa) untuk menghendaki pemohon-pemohon pemberikuasaan lesen atau permit supaya menyempurnakan bon, membuat deposit atau memberi bentuk sekuriti lain bagi menyempurnakan apa-apa tanggungan di bawah pemberikuasaan lesen atau permit mereka;
- (ab) untuk mengadakan peruntukan mengenai pampasan yang kena dibayar kepada warganegara Malaysia, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan suatu Negeri dalam Malaysia sekiranya berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh vesel penangkapan ikan asing terhadap vesel penangkapan ikan tempatan, peralatan menangkap ikan atau tangkapannya, atau kepada kabel, saluran paip atau lain-lain harta kepunyaan warganegara Malaysia, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan suatu Negeri dalam Malaysia;
- (ac) untuk memaju, mengawalselia dan menjalankan penyelidikan saintifik;
- (ad) untuk menetapkan kawasan di perairan perikanan Malaysia di mana penangkapan ikan akan dirizabkan untuk vesel penangkapan ikan tempatan dan nelayan Malaysia;
- (ae) untuk menetapkan kawasan di perairan perikanan Malaysia yang melaluinya vesel penangkapan ikan asing yang tak berlesen boleh lalu bagi memudahkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta ini dan mengikut cara yang tidak akan menafikan atau menjejaskan laluan vesel itu yang mengikut kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa mengenai laut berhubungan dengan rejim kelautan yang relevan yang terpakai bagi perairan perikanan itu;
- (af) untuk menetapkan peraturan-peraturan mengenai pengawalan spesies ikan yang merbahaya;

[Pind. Akta
A854]

- (ag) untuk menetapkan peraturan-peraturan mengenai pengawalan pergerakan ikan dalam Malaysia;
- (ah) untuk menetapkan piawai mengenai kawalan kualiti ikan atau keluaran ikan dan cara-cara untuk melaksanakan piawai dan kawalan itu;
- (ai) untuk menetapkan langkah-langkah mengenai kawalan penyakit ikan;
- (aj) untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pengeluaran dokumen-dokumen pengenalan yang sesuai kepada mana-mana orang yang dibawa atau bekerja di atas mana-mana vesel penangkapan ikan berlesen dan untuk menetapkan fee yang kena dibayar baginya;
- (ak) untuk mengawalselia pendaftaran vesel penangkapan ikan tempatan dan pengeluaran dokumen-dokumen yang sesuai berkenaan dengannya;
- (al) untuk menetapkan atau mengawalselia apa-apa perkara lain yang dikehendaki ditetapkan atau dikawalselia di bawah Akta ini.

[Mas. Akta
A854]

62. Pemansuhan.

Akta Perikanan 1963 adalah dimansuhkan.
